

15/02/1999

Pelbagai pihak setuju saranan Mahathir

KUALA LUMPUR, Ahad - Pelbagai pihak di negara ini mahu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, terus memperjuangkan agenda menafsir semula takrif hak asasi manusia yang selama ini hanya berdasarkan persepsi dunia barat.

Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata selama ini Barat hanya mementingkan kebebasan individu, media dan kehakiman dalam memberi takrif hak asasi manusia.

"Pada masa sama, negara membangun memerlukan pelbagai aspek lain yang juga menjadi antara elemen penting untuk diperjuangkan dalam proses pembangunan, termasuk soal makanan, pendidikan, perumahan dan kesihatan.

"Kadang-kadang elemen seumpama ini tidak diambil kira oleh Barat dalam mendefinisikan hak asasi manusia," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Dr Mahathir di Montego Bay, Jamaica, semalam, yang menyifatkan pengertian hak asasi manusia sekarang berat sebelah dan perlu ditangani pada peringkat sejagat serta mengambil kira soal keganasan negara.

Hishammuddin berkata, Barat bukan saja membuat tafsiran yang tidak tepat berhubung takrif hak asasi manusia, malah kerap gagal menepati takrif yang dicipta sendiri apabila melakukan 'keganasan negara'.

Dengan merujuk sikap 'cakap tidak serupa bikin' negara kuasa dunia dalam mengambil tindakan ketenteraan terhadap negara tertentu, beliau berkata, tindakan sedemikian jelas membuktikan Barat gagal melaksanakan takrif hak asasi yang dicipta sendiri.

Sehubungan itu, katanya, Dr Mahathir dan pemimpin negara membangun lain harus menjadikan agenda mentafsir semula takrif hak asasi sebagai perjuangan yang berterusan walaupun dengan berbuat demikian, negara mungkin menghadapi tekanan kuasa ekonomi dunia.

Ahli Majlis Perundangan Belia Negara, Norizan Sharif, juga mahu Dr Mahathir meneruskan agenda yang sama di peringkat antarabangsa dan membuktikan kepada Barat takrif yang dicipta itu tidak tepat.

Beliau yang juga Exco Majlis Belia Malaysia (MBM) berkata, Barat kini menggunakan takrif hak asasi hanya untuk 'mengharuskan' tindakan tertentu mereka, termasuk bersifat ketenteraan terhadap negara lemah.

"Negara kuasa besar ini bertindak sebagai pendakwa, hakim, juri dan menjatuhkan hukuman sesuka hati.

Untuk itu, katanya, negara membangun tidak harus berdiam diri, sebaliknya berkongsi persamaan nilai untuk menggubal takrif hak asasi manusia yang baru dan lebih adil.

Tokoh Wartawan Negara, Tan Sri A Samad Ismail, pula berkata soal ketidakadilan yang dilakukan kuasa besar dunia dengan tidak menepati takrif hak asasi manusia yang dicipta sendiri, bukan perkara baru.

"Malangnya tidak banyak yang boleh dilakukan negara membangun kerana kuasa besar dunia mempunyai kekuatan dari segi ekonomi dan ketenteraan, manakala Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) sendiri kerap menjadi boneka kepada kuasa ini," katanya.

(END)